



**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)**

Tingkat Bawah, Menara PTPTN,  
Blok D, Megan Avenue II,  
No.12, Jalan Yap Kwan Seng,  
50450 Kuala Lumpur.

Careline : 03-2193 3000  
Portal Rasmi : [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)  
Aduan: <http://icare.ptptn.gov.my>

---

**BORANG PERMOHONAN PENANGGUHAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PENDIDIKAN**

---

1. Borang yang telah dilengkapkan hendaklah dikemukakan kepada Pejabat PTPTN Negeri/ Cawangan (PPN/ PPC) yang berhampiran. Senarai PPN/ PPC boleh dirujuk melalui Portal PTPTN di alamat [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my).
  2. Pelanggan adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami Dasar Privasi dan Keselamatan PTPTN sebelum melengkapkan borang. Dasar tersebut boleh dirujuk melalui Portal PTPTN atau PPN/ PPC yang berhampiran.
  3. PTPTN merupakan salah satu agensi Kerajaan yang melaksanakan myIDENTITY. Sehubungan itu, sebarang perubahan pada maklumat perhubungan (alamat surat menyurat, nombor telefon mudah alih dan e-mel) akan turut dikemas kini dan digunakan oleh agensi Kerajaan lain yang melaksanakan myIDENTITY (jika berkaitan). Maklumat lanjut berkenaan myIDENTITY boleh dirujuk melalui laman web myIDENTITY di alamat [www.myidentity.gov.my](http://www.myidentity.gov.my).
- 

**Syarat-Syarat Permohonan Layak Dipertimbangkan:**

1. Pinjaman Ujrah;
2. Peminjam yang telah menamatkan pengajian dan menyambung semula pengajian secara sepenuh masa;
3. Peminjam yang mengikuti pengajian secara kursus berkembar iaitu kursus yang diikuti secara 2+1 atau 2+2 atau seumpamanya yang memerlukan peminjam menyambung pengajian ke luar negara secara sepenuh masa untuk menyelesaikan pengajian;
4. Peminjam yang telah menamatkan pengajian tetapi masih belum bekerja (tiada pendapatan). Tempoh maksimum yang dibenarkan adalah 24 bulan dari tarikh mula bayar balik pinjaman pendidikan.
5. Peminjam yang berstatus gagal/ berhenti/ batal, penangguhan hanya dibenarkan bagi peminjam yang meneruskan pengajian secara sepenuh masa sahaja.
6. Peminjam yang telah dikenakan tindakan penguatkuasaan, penangguhan boleh dipertimbangkan setelah membayar kos guaman.
7. Peminjam yang mempunyai pertindihan penajaan, penangguhan boleh dipertimbangkan setelah membayar amaun bertindih.
8. Peminjam yang melanjutkan pengajian ke luar negara secara sepenuh masa;
9. Peminjam yang mengikuti kursus PhD atau setaraf secara sepenuh masa;

**Syarat-Syarat Permohonan Tidak Layak Dipertimbangkan:**

1. Pinjaman Konvensional;
2. Peminjam yang melanjutkan pengajian secara separuh masa (contohnya PJJ, program Eksekutif atau setaraf);
3. Peminjam yang mengambil cuti belajar dengan bergaji penuh atau bergaji separuh atau cuti tanpa gaji atas urusan peribadi;
4. Peminjam menyambung belajar secara sepenuh masa dengan bergaji penuh atau bergaji separuh atau menerima sebarang elaun semasa/sepanjang tempoh pengajian;

5. Peminjam tidak bekerja dan tempoh bayaran balik asal telah melebihi 24 bulan;
6. Peminjam telah bekerja.

**Dokumen-Dokumen Yang Diperlukan:**

1. Borang permohonan penangguhan boleh didapati di Portal Rasmi PTPTN [www.ptptn.gov.my/web/guest/borang2](http://www.ptptn.gov.my/web/guest/borang2); dan
2. Salinan surat tawaran pengajian terkini; dan/atau
3. Surat pengesahan jangkaan tarikh tamat pengajian terkini daripada IPT sekiranya dalam surat tawaran tiada tempoh pengajian; dan/atau
4. Surat pengesahan majikan bagi peminjam yang mengambil cuti belajar dengan bergaji penuh atau bergaji separuh atau cuti tanpa gaji atas urusan peribadi;

Jika peminjam masih belum bekerja dan tiada pendapatan:

5. Surat pengesahan tidak bekerja dari pegawai kerajaan kumpulan pengurusan dan profesional/ penyata KWSP terkini; atau

Jika peminjam menambahkan tempoh pengajian:

6. Surat pengesahan jangkaan tarikh tamat pengajian terbaharu daripada IPT;
- dan/atau

Jika peminjam mendapat penaja lain:

7. Salinan surat tawaran penaja baru sekiranya menerima penaja lain;

**Maklumat Tambahan:**

1. Kos upah dikenakan sepanjang tempoh penangguhan bayaran balik.
2. Tempoh penangguhan bayaran balik ditetapkan oleh PTPTN.
3. Adalah dimaklumkan penangguhan yang diberikan tidak menghalang PTPTN mengambil tindakan berikut, iaitu:
  - i. Menyenaraikan nama peminjam di dalam rekod Central Credit Reference Information System (CCRIS).
  - ii. Melaksanakan sekatan keluar negara dengan kerjasama Jabatan Imigresen Malaysia. Peminjam juga tidak dapat memohon atau memperbaharui pasport.
  - iii. Menyalurkan nama kepada pihak ketiga lain bagi maksud pemantauan
4. Ansuran bulanan dan upah pengurusan sepanjang tempoh penangguhan adalah jumlah tertunggak yang perlu dibayar sebaik sahaja tempoh penangguhan tamat/batal.

<b>BAHAGIAN 1 – MAKLUMAT PEMINJAM</b>												
Nama Peminjam												
No. K.P. Baru												
Alamat E-mel												
Alamat Surat-Menyurat												
Poskod							Bandar					
Negeri												
Alamat Tetap <i>* Jika berbeza dengan di atas.</i>												
Poskod							Bandar					
Negeri												
No. Telefon (Rumah)												
No. Telefon (Bimbit)												
Institut Pengajian Terkini												
Nama Program/ Kursus Terkini												
<b>BAHAGIAN 2 – MAKLUMAT PENANGGUHAN</b>												
Sebab Penangguhan	Tidak Bekerja											
	Masih Belajar											
Penangguhan Bagi Peringkat Pengajian	Diploma											
	Ijazah											
	Sarjana											
	Lain-Lain. Nyatakan:											
Jika Masih Belajar Dan Bukan Tajaan PTPTN, Sila Isi Maklumat Pengajian Terkini Seperti Di Bawah:												
Nama Kursus												
Peringkat Pengajian												
Institut Pengajian												
Tempoh Pengajian												
Tarikh Mula Pengajian			/			/						
Tarikh Tamat Pengajian			/			/						
<b>BAHAGIAN 3 – PENGAKUAN PEMINJAM</b>												
<p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa segala maklumat yang diberikan adalah BENAR dan bersetuju membenarkan Perbadanan mengemas kini semua maklumat di atas untuk tujuan rekod.</p> <p>Jika didapati maklumat di atas adalah palsu, Perbadanan berhak untuk menarik balik sebarang kelulusan yang telah diberikan dengan serta-merta dan/atau mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan suai manfaat.</p>												
Tandatangan Peminjam												
Nama Peminjam												
Tarikh												